

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0. PENDAHULUAN

Kajian ini melibatkan dua jenis analisis iaitu AK dan AS. Oleh itu di dalam bab ini metodologi kajian bagi kedua-dua analisis yang digunakan di dalam kajian ini akan dikemukakan.

3.1. METODOLOGI KAJIAN ANALISIS KONTRASTIF

Model struktural yang dikemukakan oleh Lado (1957) akan dijadikan panduan di dalam menganalisis data sistem fonetik dan fonologi BM dan BP. Kajian AK yang akan dijalankan ke atas sistem fonetik dan fonologi BM melibatkan langkah-langkah berikut:

1. Huraian sistem bunyi BM dan BP;
2. Perbandingan selari antara sistem kedua-dua bahasa;
3. Senarai persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa;
4. Ramalan masalah-masalah yang mungkin timbul di dalam pembelajaran dibuat.

Model struktural adalah bersifat deskriptif di mana unit-unit bahasa dihuraikan secara satu persatu mengikut sistem dan strukturnya. Huraian yang dibuat tersebut dapat memperlihatkan sistem kedua-dua bahasa secara jelas dan memudahkan perbandingan secara sistematik dijalankan. Huraian sistem fonetik dan fonologi BM dan BP dibuat

sebagai langkah pertama yang perlu dilakukan di dalam AK. Lado (1957:66) telah menyarankan seperti berikut:

“We begin with an analysis of the foreign language and compare its structure with the native language. For each structure we need to know if there is a structure in the native language (1) signaled the same way, that is, by the same device, (2) having the same meaning, and (3) similarly distributed in the system of that language”.

(Kita mulakan dengan analisis bahasa asing dan membandingkan strukturnya dengan bahasa ibunda. Untuk setiap struktur kita perlu tahu adakah struktur dalam bahasa ibunda yang (1) menunjukkan perkara yang sama, dengan menggunakan alat yang sama, (2) mempunyai makna yang sama, dan (3) mempunyai penyebaran yang sama dalam sistem bahasa tersebut.)

(Lado, 1957: 66)

Model kajian yang dikemukakan oleh James (1980:74) juga turut menyarankan agar senarai inventori sistem bunyi bahasa-bahasa yang dibandingkan dibuat terlebih dahulu beserta dengan senarai variasi fonemik atau alofon yang terdapat dan juga menghuraikan penyebaran fonem dan alofon tersebut dalam kedua-dua bahasa. Beliau turut mencadangkan agar jadual atau carta yang menunjukkan cara dan titik artikulasi bunyi konsonan yang terdapat di dalam L1 dan L2 digunakan apabila membuat inventori sistem bunyi bahasa-bahasa tersebut dan juga untuk tujuan perbandingan.

James (1993: 63) menegaskan bahawa huraian secara selari dan secara sistematik sistem kedua-dua bahasa penting dilakukan melalui model huraian yang sama kerana jika sekiranya data yang sama dari L1 dan L2 dihuraikan dengan menggunakan model huraian

yang berbeza, huraian akan menonjolkan aspek yang berbeza bagi data-data tersebut dan ini akan menyukarkan perbandingan dibuat. Oleh yang demikian, kajian ini akan membuat huraian sistem bunyi BM dan BP mengikut model struktural dan bukannya mengikut model generatif kerana model struktural adalah lebih konkrit dan lebih praktikal (James 1980:82).

Selepas huraian secara sistematik terhadap kedua-dua sistem fonetik dan fonologi BM dan BP dibuat, langkah kedua dalam AK ialah membandingkan sistem fonetik dan fonologi kedua-dua bahasa bagi melihat apakah persamaan dan perbezaan yang terdapat antara kedua-duanya. Dalam kajian ini, bunyi-bunyi vokal, konsonan, rangkap vokal dan rangkap konsonan dibandingkan. Perbandingan dibuat secara sinkronik, yakni perbandingan dibuat ke atas sistem bahasa yang digunakan pada satu masa tertentu. Perbandingan selari yang dibuat ke atas kedua-dua bahasa dapat memperlihatkan unsur-unsur persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya.

Akhirnya, setelah perbandingan selesai dilakukan, masalah yang berkaitan dengan pembelajaran bentuk bahasa sasaran yang dikaji tersebut diramalkan. Masalah diramalkan berdasarkan perbezaan antara sistem bahasa pertama dan bahasa sasaran. Bunyi-bunyi yang menunjukkan persamaan dari segi titik artikulasi dan cara artikulasi diramalkan tidak akan menjadi masalah di dalam pembelajaran bahasa sasaran. Ramalan ini dibuat bersandarkan kepada hipotesis AK bahawa berlaku pemindahan struktur sistem L1 ke dalam L2 apabila berlaku pertembungan di dalam proses pemerolehan L2 oleh seseorang pelajar. Pemindahan ini terdiri daripada dua bentuk iaitu pemindahan positif dan pemindahan negatif. Pemindahan positif memudahkan pembelajaran L2 tetapi pemindahan negatif akan menyebabkan berlaku kesilapan di dalam proses pengeluaran L2. Oleh itu, bunyi-bunyi

yang berbeza antara BM dan BP diramalkan akan menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar Melayu apabila mempelajari sistem bunyi BP.

Dapatan daripada AK ini kemudiannya digunakan bagi merangka bentuk ujian yang akan digunakan di dalam AS. Ujian-ujian untuk tujuan AS dirangka dengan berpandukan model yang dikemukakan oleh Schmitz (1991:71). Menurutny, ujian yang akan digunakan untuk AS mestilah berupaya memperlihatkan :

- (1) adakah benar struktur yang dikenal pasti berbeza antara bahasa sumber (SL) dan bahasa sasaran (TL) sebenarnya menyebabkan timbul kesilapan ,
- (2) sejauh mana kesulitan-kesulitan tersebut menjadi masalah di dalam penghasilan bunyi atau tanggapan bunyi,
- (3) darjah kesulitan yang dihadapi oleh pelajar, dan
- (4) apakah variasi bunyi yang ditanggap atau diujar bagi menggantikan bunyi bahasa sasaran (TL) yang bermasalah tersebut.

3.2. METODOLOGI KAJIAN ANALISIS KESILAPAN

AS yang dijalankan dalam kajian ini akan mengguna pakai kaedah kajian seperti yang dicadangkan oleh Sridhar (1981) dan Van Els & al. (1984). Sridhar (1981:222) mencadangkan enam langkah untuk menjalankan AS, iaitu mengumpul data, mengenalpasti kesilapan, mengklasifikasikan kesilapan, mengenalpasti sumber kesilapan, menganalisis kesilapan dan mencadangkan bagaimana cara untuk memperbaiki kesilapan. Manakala Van Els et als (1984: 47) pula mencadangkan supaya mengenalpasti kesilapan, menerangkan kesilapan, menghuraikan kesilapan, menilai kesilapan dan membetulkan kesilapan. Namun

demikian, penulis telah membuat sedikit pengubahsuaian kepada langkah yang dicadangkan tersebut.

Analisis yang dijalankan akan hanya mengandungi lima langkah sahaja iaitu mengumpul data, mengenalpasti kesilapan, mengenalpasti sumber kesilapan, menganalisis kesilapan dan seterusnya cuba memberi cadangan langkah pemulihan. Ini disebabkan, di dalam penyediaan bahan ujian, pengkaji telah membuat pembahagian bunyi-bunyi mengikut kategori tertentu setelah mempertimbangkan masalah-masalah yang mungkin timbul. Latihan-latihan yang disediakan adalah berbentuk terkawal iaitu apa yang dinamakan sebagai “*controlled elicitation*” oleh James (1998: 21). Ujian-ujian terdiri daripada bentuk tertutup seperti menandakan bunyi yang didengar, rencana dan penyebutan perkataan. Kaedah elisitasi kesilapan yang digunakan dalam kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pengklasifikasian kesilapan telah dibuat.

3.2.1. Mengumpul Data

Pengumpulan data bermula dengan pengumpulan maklumat tentang subjek kajian. Subjek telah terlebih dahulu diminta menjawab soal selidik (Lampiran 1) yang telah disediakan oleh penyelidik. Tujuan borang soal selidik ini diedarkan kepada subjek kajian adalah untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang bahasa yang mereka kuasai selain daripada bahasa ibunda dan maklumat tentang tahap pendidikan mereka dan ibu bapa. Maklumat-maklumat ini dirasakan penting diketahui agar dapat dijadikan panduan untuk lebih memahami mengapa sesuatu masalah timbul kerana penguasaan bahasa sasaran oleh seseorang individu juga boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor lain selain daripada bahasa itu sendiri.

Para pelajar yang menjadi subjek kajian ini kemudiannya diminta untuk menjalani beberapa siri ujian yang melibatkan ujian pendengaran dan ujian lisan. Sebelum ujian disediakan, penyelidik telah berjumpa dengan guru yang mengajar BP di institusi terbabit dan berbincang dengannya tentang tahap dan pencapaian pelajar-pelajarnya. Penyelidik juga telah menunjukkan kepada guru tersebut ujian-ujian yang disediakan dan meminta pandangannya tentang pemilihan perkataan dan jenis ujian tersebut. Penyelidik cuba sebaik mungkin memilih perkataan-perkataan yang telah dipelajari oleh pelajar dan terdapat di dalam buku teks mereka. Namun begitu, terdapat juga penggunaan beberapa perkataan baru yang belum pernah didengar oleh subjek kajian.

Penggunaan perkataan-perkataan baru tersebut terpaksa dibuat kerana bunyi-bunyi tertentu hanya hadir dalam perkataan yang terhad. Contohnya, bunyi [ɲ] pada lingkungan awal kata dalam BP terdapat pada perkataan tertentu seperti dalam perkataan *gnangan* [ɲãɲã] dan *gnognote* [ɲõɲõt] (Lampiran 3). Walaupun kehadirannya terhad, bunyi tersebut perlu diuji untuk melihat sama ada kehadirannya pada lingkungan tersebut akan menjadi masalah kepada para pelajar atau tidak. Dalam hal ini, sebelum ujian dijalankan penyelidik telah terlebih dahulu menyebut perkataan-perkataan tersebut dan seterusnya menerangkan maknanya kepada para pelajar.

Subjek kajian telah dibahagikan kepada empat kumpulan kecil untuk tujuan menjalani ujian pendengaran. Kumpulan-kumpulan kecil ini dibentuk untuk membolehkan subjek mendengar dengan jelas rakaman yang diperdengarkan kepada mereka. Subjek diminta menandakan pada kertas ujian yang disediakan (Lampiran 1) ketika pita rakaman

dimainkan. Setelah selesai ujian pendengaran, subjek secara individu diminta membuat ujian lisan. Penyelidik telah merakamkan sebutan mereka dengan menggunakan pita rakaman digital SONY ICD-P330F. Rakaman audio yang telah dibuat ini kemudiannya dipindahkan dan disimpan di dalam komputer.

3.2.2. Mengenalpasti Kesilapan

Setelah semua ujian selesai dijalankan, pengkaji telah menyemak kertas ujian tersebut bagi tujuan mengenalpasti kesilapan yang dilakukan. Jawapan bagi Ujian 1 hingga 3 yang ditandakan pada kertas soalan disemak dengan berpandukan skema jawapan yang telah disediakan. (Lampiran 2). Dalam peringkat ini, kesilapan yang dilakukan perlu dibezakan antara kesilapan linguistik (*error*) dan kesilapan bukan linguistic (*mistake*). Kesilapan linguistik biasanya berlaku kerana kurang menguasai aspek yang diuji tetapi kesilapan bukan linguistik berlaku kerana sebab-sebab lain seperti keletihan, kecuaiian dan sebagainya. Memandangkan kaedah elisitasi (*elicitation*) kesilapan yang digunakan adalah berbentuk terkawal, maka sukar untuk membuat penentuan antara kesilapan linguistik dan kesilapan bukan linguistik. Oleh yang demikian semua jawapan salah dikelaskan sebagai kesilapan linguistik.

Bagi mengenalpasti kesilapan dalam ujian pengeluaran bunyi, penyelidik telah mendengar rakaman sebutan subjek dan menandakan pada kertas soalan sama ada bunyi yang dihasilkan tepat atau tidak. Selain itu, program *Praat* juga digunakan untuk tujuan mengenalpasti kesilapan dalam ujian lisan bunyi-bunyi vokal dan rangkap vokal, Program *Praat* yang boleh dimuat turun dari internet ini dapat memperlihatkan kedudukan bunyi-bunyi vokal yang dihasilkan sama ada ianya vokal depan, belakang, tengah, terbuka atau

tertutup. Penyelidik menggunakan program ini bagi tujuan untuk memastikan dan mengesahkan bunyi-bunyi yang sukar untuk ditentukan jenis dan kedudukannya. Contohnya, dalam BP terdapat 16 bunyi vokal yang secara kasar didengar seperti sama. Melalui program ini kedudukan bunyi yang dihasilkan dapat dilihat dengan lebih jelas dengan melukis graf bunyi-bunyi vokal daripada data-data yang diperolehi.


3.2.2.1. Program Praat

Program Praat ini merupakan sebuah program yang boleh digunakan oleh ahli-ahli fonetik untuk menganalisis bunyi-bunyi bahasa. Program ini boleh dimuat turun daripada internet di alamat laman web <http://www.praat.org> dan <http://www.fon.hum.uva.nl/praat/>. Program ini telah dicipta oleh Paul Boersma dan David Weenink dari Institute of Phonetics Sciences, University of Amsterdam. Melalui program ini, ahli fonetik boleh menganalisis bunyi-bunyi vokal dan konsonan, nada, intonasi, kepanjangan dan lain-lain yang berkaitan dengan bunyi-bunyi bahasa. Selain itu, program ini juga boleh digunakan untuk memanipulasi kenyaringan dan tempoh masa sesuatu bunyi. Dalam AK yang dijalankan ini, pengkaji telah menggunakan program ini sebagai alat bantuan untuk tujuan mengukur bunyi-bunyi vokal BP yang dihasilkan oleh subjek kajian. Bunyi-bunyi vokal dapat ditentukan dengan tepat kedudukannya dengan mengukur frekuensi bunyi yang dikeluarkan dan seterusnya dengan bantuan program “excel worksheet”, frekuensi bunyi yang direkodkan itu dipindahkan ke dalam bentuk graf yang dapat menunjukkan posisi bunyi tersebut di dalam mulut.

Di dalam analisis ini, bunyi sebutan yang direkodkan disimpan di dalam komputer dalam bentuk fail WAV. Dengan menggunakan program Praat, sebutan bunyi yang diuji

dapat diukur frekuensinya bagi melihat sama ada bunyi yang dihasilkan tersebut adalah bunyi yang dikehendaki atau tidak. Frekuensi bunyi ini ditunjukkan dalam bentuk spectrogram dan unit yang digunakan untuk mengukur frekuensi dinamakan sebagai “formant” (F).

Untuk tujuan pengukuran bunyi, dua frekuensi bunyi diambil iaitu F1 dan F2. Bacaan F1 dan F2 adalah berbeza bagi setiap penutur bergantung kepada saiz tubuh badan dan juga jantina seseorang. Penutur lelaki mempunyai ruang ketinggian suara (*pitch range*) yang lebih rendah berbanding dengan perempuan. Oleh yang demikian, *pitch range* subjek lelaki ditetapkan antara 60-400 Hz dan subjek perempuan pada 120-400 Hz.




Rajah 3.2.2.1 : Contoh Spektogram Bunyi

F1 mengukur keterbukaan mulut ketika bunyi tersebut dikeluarkan dan F2 pula mengukur depan atau belakang bunyi vokal yang dihasilkan. Bacaan F1 yang rendah menunjukkan bahawa bunyi vokal yang dihasilkan adalah merupakan vokal tertutup dan sebaliknya bacaan F1 yang tinggi menunjukkan vokal luas. Manakala bacaan F2 yang


rendah pula menunjukkan bunyi vokal belakang dan bacaan tinggi merupakan vokal depan. Melalui cara ini, kita dapat menentukan sama ada bunyi yang dihasilkan oleh subjek merupakan vokal yang tepat atau tidak.

Bacaan F1 diambil dengan cara mengenalpasti di manakah kedudukan bunyi-bunyi vokal tersebut, menggelapkan bahagian tersebut dan seterusnya mengambil bacaan pada titik tengah bahagian yang dikenalpasti tersebut (Rajah 3.2.2.1). Bacaan F1 pada titik tengah bunyi tersebut direkodkan dan kemudian proses yang sama diulangi dan bacaan F2 pada titik yang selari dengan titik bacaan F1 tadi (Rajah 3.2.2.2) diambil dan direkodkan. Bacaan F1 dan F2 ini direkodkan dan kemudian dimasukkan ke dalam “excel worksheet” seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.2.2.4.


Data bacaan F1 dan F2 yang direkodkan di dalam “excel worksheet” tersebut kemudiannya digunakan untuk membuat graf (Rajah 3.2.2.5) yang dapat menunjukkan kedudukan bunyi yang dihasilkan tersebut sama ada bunyi yang tepat atau tidak. Contohnya, jika sekiranya bacaan F1 dan F2 bagi bunyi vokal [u] yang merupakan vokal belakang apabila dipindahkan ke dalam bentuk graf menunjukkan berada pada kedudukan depan maka penghasilan bunyi vokal tersebut akan dikira sebagai satu kesilapan. Paksi X pada graf menunjukkan kedudukan lidah ketika penghasilan bunyi vokal sama ada bahagian depan, tengah atau belakang dan paksi Y pula menunjukkan keluasan bukaan mulut samada sempit, separuh sempit, separuh luas atau luas.




Rajah 3.2.2.2. Contoh Bacaan F1



Rajah 3.2.2.3. Contoh Bacaan F2



Rajah 3.2.2.4. Contoh Rekod Bacaan F1 dan F2 di dalam Excel Worksheet.



Rajah 3.2.2.5. Contoh Graf Kedudukan Bunyi Vokal BP

3.2.3. Mengenalpasti Sumber Kesilapan

Daripada keputusan ujian juga kita akan cuba mengenalpasti punca kesilapan berlaku. Sesuatu kesilapan dilakukan oleh pelajar di dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa asing boleh berpunca daripada beberapa sumber. Kesilapan boleh berpunca sama ada daripada gangguan sistem bahasa pertama, sistem bahasa kedua atau pun bahasa sasaran. Selain itu, punca kesilapan juga boleh dikaitkan dengan sistem bahasa yang terletak antara bahasa pertama dan bahasa sasaran yang dinamakan *bahasa antara* atau “*interlanguage*” (Selinker, 1972). Sumber kesilapan ini dapat ditentukan setelah huraian mengenai kesilapan dibuat. Apabila kesilapan dihuraikan kita akan dapat melihat apakah bentuk yang digunakan bagi menjawab soalan tersebut dan strategi yang digunakan oleh

subjek ketika memberi jawapan tersebut. Ini secara langsung akan dapat menjelaskan sumber kesilapan.

3.2.4. Menilai Kesilapan

Keputusan ujian-ujian yang telah dianalisis dapat dijadikan sebagai pedoman untuk menilai sejauh mana kesilapan memberi kesan di dalam pembelajaran bahasa sasaran. Peratus kekerapan kesilapan dapat dijadikan kayu ukur di dalam membuat penilaian ini. Dalam kajian ini, bunyi-bunyi yang menunjukkan peratusan kekerapan paling tinggi digolongkan sebagai bunyi yang paling sukar untuk ditanggapi atau dihasilkan oleh subjek kajian. Sebaliknya, bunyi yang tidak menunjukkan sebarang kesilapan pula dianggap sebagai bunyi yang tidak menjadi masalah kepada subjek.

Kekerapan kesilapan dikira peratusannya dan disusun mengikut hierarki kekerapan. Jadual hierarki kekerapan kesilapan dapat memperlihatkan dengan jelas apakah bunyi-bunyi yang menimbulkan kesulitan kepada subjek kajian dan daripada keputusan kajian juga kita dapat mencari punca kepada masalah-masalah tersebut. Kesilapan-kesilapan ini dapat dijadikan panduan di dalam menyusun bahan pengajaran. Kesilapan yang dianggap memberi kesan yang besar di dalam proses pembelajaran akan diberi perhatian yang lebih berbanding dengan yang lain. Perkara-perkara lain yang mempengaruhi kesilapan juga perlu diberi perhatian seperti contoh perbezaan antara sistem bahasa pertama, sistem bahasa sasaran dan lain-lain.

3.2.5. Cadangan Pemulihan

Setelah mengambil kira kesilapan dan kesannya kepada proses pengajaran dan pembelajaran bahasa sasaran dan berpandukan kepada penilaian yang telah dibuat, beberapa cadangan pemulihan untuk mengatasi masalah berkaitan dikemukakan dalam bahagian ini. Langkah-langkah pemulihan ini dapat dijadikan panduan oleh pihak yang terlibat di dalam pengajaran aspek-aspek bahasa yang berkaitan. Langkah-langkah yang dicadangkan ini mungkin dapat membantu mengurangkan kadar kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar yang mempelajari bahasa sasaran.

3.3. SUBJEK KAJIAN

Seramai 32 orang pelajar Melayu dari salah sebuah IPTS di Selangor telah dipilih sebagai subjek kajian ini. Mereka terdiri daripada 16 orang pelajar perempuan dan 16 orang pelajar lelaki. Subjek merupakan pelajar-pelajar diploma Semester 5 dari dua jurusan iaitu Jurusan “Automated System and Maintenance Technology” dan “Computer and Networking Technology”. Walaupun mereka daripada jurusan yang berbeza, namun mereka mengikuti kelas Bahasa Perancis yang sama tahap, menggunakan sukatan pelajaran yang sama dan juga diajar oleh guru yang sama. Ketika ujian-ujian untuk kajian ini dijalankan, pelajar-pelajar ini telah didedahkan kepada BP sekurang-kurang sebanyak 120 jam pertembungan.

Pelajar-pelajar ini dipilih berdasarkan persamaan bahasa ibunda, umur dan taraf kecekapan dalam BP. Mereka berumur di antara 19-24 tahun, dengan purata umur adalah 20.625 tahun. Mereka datang dari seluruh Malaysia yang mana 11 orang berasal dari

Selangor, 2 dari Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur), 3 dari Johor, 4 dari Negeri Sembilan, 2 dari Melaka, 3 dari Pulau Pinang, 2 dari Kelantan, 2 dari Terengganu dan 1 masing-masing dari Kedah, Perak dan Pahang. BM standard yang dituturkan di Malaysia lebih dekat dengan bahasa yang dituturkan di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor. Ini bermakna 65.6 % peratus subjek kajian berasal dari kawasan-kawasan yang menuturkan BM standard. Manakala BM yang dituturkan oleh penutur di negeri-negeri lain adalah lebih berupa dialek Melayu contohnya di Kedah dan Pulau Pinang adalah merupakan BM dialek utara, Negeri Sembilan menuturkan dialek Minang, di Melaka penutur menuturkan dialek Melaka, di Kelantan dialek Kelantan, di Terengganu dialek Terengganu dan di Pahang pula dialek Pahang dituturkan.

Walaupun 46.8 % subjek kajian dari negeri-negeri yang menuturkan dialek Melayu tetapi mereka telah belajar di IPTS tersebut sejak 2 tahun yang lepas. Ini bermakna mereka telah terdedah kepada BM standard dan telah menggunakannya di dalam pertuturan harian mereka. Semasa temubual yang dijalankan oleh pengkaji bersama subjek-subjek ini, pengkaji mendapati bahawa walaupun ada pengaruh dialek dalam bahasa pertuturan mereka tetapinya ianya tidak begitu ketara. Pengkaji dapati kesemua subjek kajian tidak menghadapi masalah berkomunikasi di dalam BM standard.

Semua subjek mempunyai tahap kecekapan BP pada peringkat yang sama iaitu peringkat pertengahan ataupun peringkat A2 mengikut portfolio Eropah. Mereka telah mempelajari BP selama hampir lima semester kerana semasa kajian ini dijalankan mereka telah berada di minggu kesepuluh semester 5 mereka. Kesemua subjek belum pernah mengambil peperiksaan Diploma Pengajian Bahasa Perancis (DELF) yang dianjurkan oleh pihak Alliance Française dan Kedutaan Perancis di Malaysia. Kesemua pelajar bertutur BM

sebagai bahasa pertama dan bahasa ibunda mereka. Sebahagian besar pelajar hanya menggunakan BM apabila berkomunikasi bersama ahli keluarga. BM dan BI pula menjadi bahasa perhubungan yang sering digunakan oleh para pelajar di dalam komunikasi mereka bersama kawan-kawan dan pensyarah.

Jadual 3.3. : Subjek Kajian

Bil	Subjek	Jantina	Umur	Asal	DELFL
1.	ADMI	L	21	Selangor	Tidak
2.	AII	L	20	Johor	Tidak
3.	FEM	L	20	Johor	Tidak
4.	ASK	L	20	Johor	Tidak
5.	MAM	L	20	Melaka	Tidak
6.	MFI	L	20	Melaka	Tidak
7.	HJ	L	20	Selangor	Tidak
8.	HFAM	L	20	Selangor	Tidak
9.	MHAMI	L	20	Selangor	Tidak
10.	HH	L	20	Pahang	Tidak
11.	MHI	L	21	Terengganu	Tidak
12.	AIZA	L	20	Negeri Sembilan	Tidak
13.	MNRY	L	20	Negeri Sembilan	Tidak
14.	MSMH	L	20	Negeri Sembilan	Tidak
15.	HM	L	20	Pulau Pinang	Tidak
16.	MAZ	L	20	Perak	Tidak
17.	NHR	P	24	Kedah	Tidak
18.	NH	P	21	Selangor	Tidak
19.	HH@N	P	22	Terengganu	Tidak
20.	NMZ	P	20	Kelantan	Tidak
21.	FAR	P	23	Kelantan	Tidak
22.	FAAA	P	20	Negeri Sembilan	Tidak
23.	NAS	P	20	Pualau Pinang	Tidak
24.	SFAR	P	20	Pulau Pinang	Tidak
25.	NLMS	P	20	Kuala Lumpur	Tidak
26.	NN	P	20	Selangor	Tidak
27.	NZ	P	23	Kuala Lumpur	Tidak
28.	NHJ	P	20	Selangor	Tidak
29.	KHH	P	24	Selangor	Tidak
30.	HY	P	20	Selangor	Tidak
31.	NMA	P	20	Selangor	Tidak
32.	SNSS	P	19	Selangor	Tidak

3.4. INSTRUMEN KAJIAN

Tujuh jenis ujian yang melibatkan ujian pendengaran dan lisan telah disediakan. Ujian-ujian disediakan dengan mengambil kira masalah-masalah yang telah diramalkan dalam Bab 6. Masalah yang diramalkan menjadi masalah di dalam pembelajaran BP oleh pelajar-pelajar Melayu melibatkan masalah rangkap vokal dan konsonan, masalah fonetik, masalah alofonik dan juga masalah penyebaran bunyi dalam kata. Selain itu, ujian-ujian juga disediakan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana perbezaan-perbezaan yang wujud antara sistem fonetik dan fonologi BM dan BP akan menimbulkan kesulitan kepada pelajar-pelajar Melayu. Ujian-ujian pendengaran dibuat untuk melihat sama ada para pelajar berupaya mendengar, menanggapi dan mendiskriminasi bunyi-bunyi BP atau tidak. Manakala ujian-ujian lisan pula dijalankan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana pelajar-pelajar dapat mengujarkan bunyi-bunyi BP dan apakah bunyi-bunyi yang paling sukar untuk dikeluarkan. Selain itu, ujian-ujian yang disediakan juga bertujuan untuk melihat apakah strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar-pelajar Melayu apabila mempelajari BP.

3.4.1. Ujian Pendengaran

Di dalam ujian pendengaran, para subjek diminta mendengar pita rakaman dan menandakan pada kertas latihan yang disediakan. Ujian pendengaran melibatkan ujian 1, 2 dan 3. Setiap ujian yang dijalankan mempunyai objektif yang tersendiri.

Ujian 1

Ujian 1 dijalankan dengan tujuan untuk melihat sama ada para pelajar mampu mendiskriminasi bunyi-bunyi vokal BP atau tidak. Pelajar diminta mendengar rakaman pasangan perkataan dan menandakan jenis bunyi yang didengar sama ada sama atau tidak. Perkataan-perkataan tersebut dibacakan oleh penutur natif BP yang berasal dari Belgium. Walaupun berasal dari Belgium tetapi sebutan BP yang dituturkannya adalah mengikut sebutan BP standard yang dituturkan di Perancis. Beliau merupakan pensyarah Bahasa Perancis di Fakulti Bahasa dan Linguistik yang telah tinggal di Malaysia lebih kurang 4 tahun.

Perkataan-perkataan yang dipilih merupakan perkataan-perkataan yang biasa didengar oleh pelajar dan mengandungi semua bunyi vokal yang terdapat dalam BP. Terdapat 26 pasang perkataan yang mana separuh daripadanya merupakan pasangan perkataan yang mengandungi bunyi vokal yang sama dan separuh lagi merupakan pasangan perkataan yang mempunyai bunyi vokal yang berbeza. Kekerapan kehadiran setiap bunyi vokal adalah sama banyak yakni sebanyak tiga kali.

Bil	Perkataan	Vokal
1.	boule - bulle	u y
2.	fumée - fumée	y y
3.	mille - moule	i u
4.	dit - du	i y
5.	chantait - chanté	ɛ e
6.	pelle - pelle	ɛ ɛ
7.	ce - ces	ə e
8.	repars - repars	ə ə
9.	sel - sale	ɛ a
10.	journée - journée	e e
11.	passer - passer	ɑ ɑ

12.	homme	-	homme	ɔ	ɔ
13.	part	-	port	a	ɔ
14.	paume	-	pomme	o	ɔ
15.	cadeau	-	cadeau	o	o
16.	soeur	-	sort	œ	ɔ
17.	heure	-	heure	œ	œ
18.	feu	-	faux	ø	o
19.	veux	-	veux	ø	ø
20.	grain	-	graine	ē	ε
21.	cousin	-	cousin	ē	ē
22.	manche	-	manche	ā	ā
23.	chacun	-	chacune	œ	y
24.	blanc	-	blond	ā	ō
25.	commun	-	commun	œ	œ
26.	marron	-	marron	ō	ō

Ujian 2

Ujian 2 merupakan ujian pendengaran yang berkaitan dengan semua bunyi konsonan yang terdapat di dalam BP. Para pelajar diminta mendengar senarai perkataan yang mengandungi pasangan bunyi konsonan dari jenis yang sama yakni pasangan [p-b], [t-d], [k-g], [f-v], [s-z], [ʃ-ʒ], [R-l], [m-n-ɲ] dan [j-w-ɥ] dan menandakan pada ruangan konsonan yang betul (Rujuk Lampiran 2). Bagi setiap bunyi konsonan, tiga perkataan yang menunjukkan kehadirannya pada posisi awal, tengah dan akhir kata dipilih, contohnya perkataan *poisson* bunyi [p] pada awal kata, *blanche* bagi bunyi [b] awal kata, perkataan *depuis* dan *habiter* bagi bunyi [p] dan [b] pada tengah kata dan perkataan *jupes* dan *robe* bagi bunyi [p] dan [b] pada akhir kata. Ujian ini bertujuan untuk melihat sama ada para pelajar dapat mengenalpasti atau tidak bunyi-bunyi konsonan yang didengar.

Ujian 3

Ujian 3 lebih berupa ujian rencana (*dictation*). Para pelajar diminta mendengar dan mengisi tempat kosong dengan rangkap konsonan yang sesuai. (Lampiran 2). Terdapat tiga bahagian di dalam Ujian 3. Ujian 3(a) merupakan ujian mendengar dan mengisi tempat kosong dengan rangkap konsonan pada awal kata contohnya bagi perkataan *bleu*, pelajar perlu mengisi tempat kosong dalam perkataan*eu* dengan rangkap *bl*. Ujian 3(b) pula pelajar diminta mendengar dan mengisi tempat kosong dengan rangkap konsonan pada lingkungan tengah kata, contohnya pelajar perlu mengisi tempat kosong dengan rangkap *br* dalam perkataan *co.....a* (*cobra*). Ujian 3(c) pula mengisi tempat kosong dengan rangkap konsonan pada lingkungan akhir kata, contohnya dalam perkataan *ministre*, pelajar diminta mengisi tempat kosong pada akhir kata *mini.....* dengan rangkap konsonan *str*.

3.4.2. Ujian Lisan

Ujian lisan dijalankan dengan tujuan untuk melihat sama ada pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah atau tidak di dalam pengeluaran bunyi-bunyi BP. Ujian-ujian lisan melibatkan Ujian 4, 5, 6 dan 7. Sebutan subjek kajian dirakamkan dengan menggunakan pita rakaman digital.

Ujian 4

Ujian 4 merupakan ujian pengeluaran bunyi-bunyi rangkap vokal BP (Lampiran 2). Subjek diminta menyebut senarai perkataan yang mengandungi rangkap-rangkap vokal BP. Perkataan-perkataan yang diuji diberi dalam bentuk ayat untuk dibacakan, contohnya pelajar diminta menyebut perkataan yang mengandungi rangkap vokal /*ai*/ dalam perkataan *maïs* diberi dalam ayat seperti berikut “*Dites le mot maïs, s’il vous plait*”.

Dengan memasukkan perkataan di dalam ayat, penyebutan perkataan-perkataan tersebut akan lebih “natural” dan dapat memperlihatkan penggunaannya dalam konteks. Sekiranya penyebutan perkataan dibuat dalam bentuk senarai perkataan, kualiti bunyi-bunyi yang dihasilkan akan berubah dan secara tidak langsung akan menjejaskan dapatan kajian.

Ujian 5

Ujian 5 merupakan rentetan daripada Ujian 1. Ujian 5 ini masih bertujuan untuk menguji subjek berkaitan dengan bunyi vokal BP. Dalam Ujian 1 para subjek diuji sama ada mereka menyedari ada perbezaan bunyi dalam pasangan minimal yang dipilih. Sebaliknya, Ujian 5 adalah bertujuan untuk melihat adakah mereka berupaya mengeluarkan bunyi-bunyi vokal tersebut atau tidak. Ini juga bertujuan untuk melihat adakah bunyi yang ditanggapi oleh para subjek akan dapat dihasilkan oleh mereka atau tidak. Di dalam ujian ini, perkataan yang mengandungi bunyi-bunyi vokal juga diberi dalam bentuk ayat. Setiap bunyi vokal diuji dalam tiga perkataan yang terdiri daripada satu suku kata sahaja. Bunyi-bunyi vokal yang diuji ini diberi dalam perkataan yang mengandungi satu suku kata bertujuan untuk memudahkan pengukuran frekuensi bunyi-bunyi vokal yang dihasilkan dibuat bagi melihat nilai F1 dan F2. Nilai F1 dan F2 ini boleh memperlihatkan kedudukan bunyi-bunyi tersebut dalam mulut. Jumlah keseluruhan perkataan yang diberi bagi 16 bunyi vokal BP adalah 48 perkataan. Perkataan-perkataan yang diuji adalah seperti berikut.

Bil	Perkataan	Bunyi
1.	Dites le mot <i>vie</i> , s’il vous plaît.	[i]
2.	Dites le mot <i>rue</i> , s’il vous plaît.	[y]
3.	Dites le mot <i>mille</i> , s’il vous plaît.	[i]
4.	Dites le mot <i>vue</i> , s’il vous plaît.	[y]
5.	Dites le mot <i>pour</i> , s’il vous plaît.	[u]
6.	Dites le mot <i>sous</i> , s’il vous plaît.	[u]

7.	Dites le mot <i>ski</i> , s'il vous plaît.	[i]
8.	Dites le mot <i>vous</i> , s'il vous plaît.	[u]
9.	Dites le mot <i>une</i> , s'il vous plaît.	[y]
10.	Dites le mot <i>père</i> , s'il vous plaît.	[ɛ]
11.	Dites le mot <i>fête</i> , s'il vous plaît.	[ɛ]
12.	Dites le mot <i>belle</i> , s'il vous plaît.	[ɛ]
13.	Dites le mot <i>nez</i> , s'il vous plaît.	[e]
14.	Dites le mot <i>chez</i> , s'il vous plaît.	[e]
15.	Dites le mot <i>les</i> , s'il vous plaît.	[e]
16.	Dites le mots <i>pas</i> , s'il vous plaît.	[ɑ]
17.	Dites le mot <i>casse</i> , s'il vous plaît.	[ɑ]
18.	Dites le mot <i>basse</i> , s'il vous plaît.	[ɑ]
19.	Dites le mot <i>femme</i> , s'il vous plaît.	[a]
20.	Dites le mot <i>sale</i> , s'il vous plaît.	[a]
21.	Dites le mot <i>mal</i> , s'il vous plaît.	[a]
22.	Dites le mot <i>que</i> , s'il vous plaît.	[ə]
23.	Dites le mot <i>me</i> , s'il vous plaît.	[ə]
24.	Dites le mot <i>le</i> , s'il vous plaît.	[ə]
25.	Dites le mot <i>chaud</i> , s'il vous plaît.	[o]
26.	Dites le mot <i>peau</i> , s'il vous plaît.	[o]
27.	Dites le mot <i>beau</i> , s'il vous plaît.	[o]
28.	Dites le mot <i>fort</i> , s'il vous plaît.	[ɔ]
29.	Dites le mot <i>pomme</i> , s'il vous plaît.	[ɔ]
30.	Dites le mot <i>homme</i> , s'il vous plaît.	[ɔ]
31.	Dites le mot <i>fleur</i> , s'il vous plaît.	[œ]
32.	Dites le mot <i>boeuf</i> , s'il vous plaît.	[œ]
33.	Dites le mot <i>meuble</i> , s'il vous plaît.	[œ]
34.	Dites le mot <i>feu</i> , s'il vous plaît.	[ø]
35.	Dites le mot <i>deux</i> , s'il vous plaît.	[ø]
36.	Dites le mot <i>ceux</i> , s'il vous plaît.	[ø]
37.	Dites le mot <i>montre</i> , s'il vous plaît.	[ɔ̃]
38.	Dites le mot <i>main</i> , s'il vous plaît.	[ɛ̃]
39.	Dites le mot <i>un</i> , s'il vous plaît.	[œ̃]
40.	Dites le mot <i>pain</i> , s'il vous plaît.	[ɛ̃]
41.	Dites le mot <i>dans</i> , s'il vous plaît.	[ɑ̃]

42.	Dites le mot <i>brun</i> , s'il vous plaît.	[œ]
43.	Dites le mot <i>long</i> , s'il vous plaît.	[õ]
44.	Dites le mot <i>jeun</i> , s'il vous plaît.	[œ]
45.	Dites le mot <i>temps</i> , s'il vous plaît	[ã]
46.	Dites le mot <i>mien</i> , s'il vous plaît	[ɛ̃]
47. .	Dites le mot <i>quand</i> , s'il vous plaît	[ã]
48.	Dites le mot <i>sont</i> , s'il vous plaît	[õ]

Ujian 6

Ujian 6 merupakan ujian penyebutan bunyi-bunyi konsonan yang hanya terdapat di dalam sistem fonetik BP yaitu bunyi-bunyi konsonan [ʁ], [ʒ] dan [R]. Tiga perkataan dipilih bagi setiap konsonan yang menunjukkan kehadiran konsonan-konsonan tersebut dalam semua lingkungan kata, yakni, awal, tengah dan akhir kata. Oleh itu, terdapat 9 ayat yang mengandungi bunyi-bunyi konsonan tersebut diberikan. Ujian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat sama ada subjek dapat mengujarkan bunyi-bunyi tersebut atau tidak dan juga untuk melihat adakah keupayaan menyebut sesuatu bunyi juga dipengaruhi oleh kehadirannya dalam posisi yang berbeza atau tidak. Bunyi-bunyi yang diuji adalah seperti berikut:

Bil	Perkataan	Bunyi
1	Dites le mot <i>huit</i> , s'il vous plaît.	ʁ
2	Dites le mot <i>pluie</i> , s'il vous plaît.	ʁ
3	Dites le mot <i>bruitage</i> , s'il vous plaît.	ʁ
4	Dites le mot <i>visage</i> , s'il vous plaît.	ʒ
5	Dites le mot <i>jamais</i> , s'il vous plaît.	ʒ
6	Dites le mot <i>bouger</i> , s'il vous plaît.	ʒ
7	Dites le mot <i>ranger</i> , s'il vous plaît.	R
8	Dites le mot <i>porter</i> , s'il vous plaît.	R
9	Dites le mot <i>gare</i> , s'il vous plaît.	R

Ujian 7

Ujian 7 menguji pengeluaran bunyi-bunyi konsonan [ɲ] dan [j] yang hadir dalam kedua-dua bahasa tetapi pada posisi yang berbeza. Dalam BM kehadiran bunyi-bunyi konsonan tersebut adalah terhad pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Bagi setiap bunyi tersebut, sembilan ayat diberi yang mana setiap tiga ayat menunjukkan kehadiran bunyi-bunyi konsonan dalam lingkungan awal, tengah dan akhir kata. Ujian ini bertujuan untuk melihat adakah kehadiran bunyi pada lingkungan yang berbeza akan menjadi kesulitan kepada pelajar atau tidak. Bunyi-bunyi yang diuji terdapat di dalam perkataan-perkataan berikut:

Bil	Perkataan	Bunyi
1	Qu'est qu'il est <u>gnangnan</u> !	[ɲ] awal kata
2	C'est de la <u>gnognote</u> !	“
3	Il a pris un <u>gnon</u> .	“
4	Vous avez <u>gagné</u> le concours.	[ɲ] tengah kata
5	Je dois <u>accompagner</u> une amie à la gare.	“
6	Il va <u>signer</u> le contrat de mariage demain.	“
7	Mes parents travaillent en <u>Espagne</u> .	[ɲ] akhir kata
8	Elles se <u>baignent</u> .	“
9	Ils vivent dans la <u>montagne</u> .	“
Bil	Perkataan	Bunyi
1	Il a copié un texte sans changer un <u>iota</u> .	j awal kata
2	Il est venu chez moi <u>hier</u> .	“
3	J'aime le <u>yaourt</u> .	“
4	C'est le <u>mien</u> .	j tengah kata
5	<u>Asseyez</u> -vous ici.	“
6	<u>Soyez</u> patiente.	“
7	Ma <u>fille</u> est à l'école en ce moment.	j akhir kata
8	Je me <u>réveille</u> à six heures.	“
9	Elle est de la <u>famille</u> .	“